

## **Pembaharuan kepimpinan isu utama dalam pilihan raya PM Lee: Barisan akan ambil alih tugas dan jamin masa depan bagi 10-20 tahun mendatang**

**Shamsul Jangarodin**

**Berita Harian, 26 Jan 2010**

PARTI Tindakan Rakyat (PAP) telah melakukan kemajuan baik dalam mengenal pasti individu-individu berkebolehan bagi penubuhan barisan penerus parti tersebut.

Meskipun buat masa ini barisan yang dibentuk dalam Kabinet itu belum lengkap, Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, yakin beliau boleh menyertakan barisan kepimpinan utama generasi seterusnya dalam Pilihan Raya Umum (GE) akan datang.

'Barisan inilah yang bakal mengambil alih daripada saya dan rakan-rakan sekerja saya dan menjamin masa depan negara ini bagi 10 hingga 20 tahun akan datang.'

'Pembaharuan barisan kepimpinan ini akan menjadi isu utama di GE akan datang,' kata Encik Lee yang juga Setiausaha Agung PAP.

Beliau mendedahkan laporan terkini itu dalam ucapan dasar di Persidangan Perspektif 2010 anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) semalam.

Berucap kepada golongan pemimpin, usahawan, pelajar dan wakil agensi-agensi nasional, Encik Lee berkata memiliki sistem politik yang baik amat penting, namun ia tidak cukup untuk melahirkan kestabilan politik atau pemerintah yang baik.

'Ia masih lagi bergantung pada pemilikan pemimpin yang betul, kumpulan yang berupaya dan komited untuk memimpin negara dan bertanggungjawab bagi masa depan kita semua,' kata Encik Lee.

Bagi memastikan sistem politik Singapura kekal relevan, Encik Lee menambah bahawa beberapa perubahan besar telah dirancang, antaranya meningkatkan jumlah Anggota Parlimentan Tanpa Kawasan Undi (NCMP) dan Kawasan Undi Perseorangan (SMC), mengecilkan Kawasan Undi Perwakilan Kumpulan (GRC) dan memiliki sistem Anggota Parlimentan Dilantik (NMP) yang lebih kukuh.

Hari Bertenang - sehari sebelum Hari Mengundi - juga bakal diperkenalkan.

Encik Lee berkata langkah-langkah itu diperkenalkan bagi memastikan lebih banyak suara di Parliment bagi menggambarkan rangkaian pandangan yang lebih luas.

Langkah-langkah itu juga dibuat sekarang agar segala proses penggubalan undang-undang sudah sedia apabila GE diumumkan.

'GE bakal diadakan dalam masa dua tahun akan datang namun ia bukan buat masa terdekat ini,' kata Encik Lee, sekali gus meredakan spekulasi bahawa GE bakal diadakan tidak lama lagi.